

NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7859

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab sebenar wayang gambar "The New Village" dilarang tayangan dan adakah Kerajaan bercadang meminda *Film Censorship Act 1971*.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, filem “The New Village” pada asalnya telah diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) pada 11 September 2012 untuk tayangan dengan klasifikasi P13 iaitu klasifikasi di mana kanak-kanak yang berumur 13 tahun dan ke bawah boleh menonton dengan bimbingan ibu bapa atau penjaga.

Filem tersebut telah dijadualkan untuk ditayangkan di pawagam di seluruh Negara pada 22 Ogos 2013. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapatnya aduan-aduan dan bantahan-bantahan dari pelbagai pihak, maka LPF telah mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, aduan-aduan dan bantahan-bantahan yang dibangkitkan terhadap penayangan filem ini adalah kerana kandungan filem ini dikatakan menyanjung perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM), menggambarkan kezaliman pihak British pada masa itu dan tidak langsung menunjukkan kekejaman gerila PKM. Sebaliknya, filem tersebut memaparkan sikap kebaikan gerila PKM terhadap penduduk kampung baru yang bersimpati dengan mereka.